

ISU-ISU PEKERJA PERLADANGAN

Kurang perhatian telah diberikan terhadap hak-hak buruh di dalam industri perladangan kelapa sawit walaupun terdapat penyalahgunaan buruh yang berleluasa, termasuk upah yang rendah, buruh kanak-kanak dan pemerdagangan manusia


Di Malaysia, dianggarkan sejumlah

461,507

buruh-buruh yang bekerja di dalam sektor perladangan kelapa sawit pada tahun 2014.

Kurang daripada satu perempat daripada pekerja-pekerja adalah pekerja tempatan

22%



Majoriti merupakan pekerja-pekerja asing, yang kebanyakannya bekerja sebagai penuai dan pengumpul buah tandan segar (FFB)

78%

ISU-ISU DI DALAM SEKTOR PERLADANGAN KELAPA SAWIT



Buruh kanak-kanak dan keluarga serta perlindungan yang tidak mencukupi berkaitan dengan pekerja-pekerja yang muda



Kekurangan Peralatan Perlindungan Diri (PPE)



Struktur bayaran yang kurang difahami yang boleh mendorong kepada amalan-amalan yang merbahaya dan tidak boleh diterima



Tenaga kerja mudah terdedah kepada penganiayaan disebabkan kontrak jangka pendek yang tetap dan buruh sambilan



Kebersihan tidak terjaga dan kemudahan tempat tinggal yang serba kekurangan



Pasport pekerja-pekerja diambil dan disimpan oleh majikan untuk 'keselamatan'



Pekerja-pekerja tanpa akses kepada dokumen peribadi boleh dianggap pekerja secara paksaan



Kontrak secara jangka pendek dan buruh sambilan menyebabkan buruh mudah terdedah kepada penyalahgunaan hak-hak buruh

Perlindungan yang wujud di dalam undang-undang antarabangsa untuk pekerja-pekerja asing dan ahli keluarga mereka termasuklah:

- Hak-hak asasi manusia yang asas diberikan kepada semua pendatang, tanpa mengira status, yang telah ditetapkan di dalam teras perjanjian hak asasi manusia antarabangsa dah di bawah undang-undang adat antarabangsa
- Konvensyen-konvensyen dan piawaian-piawaian antarabangsa yang menyediakan perlindungan-perlindungan asas untuk layanan dan keadaan di tempat kerja, yang diberikan kepada kesemua pekerja tanpa mengira status migrasi mereka

Pada amnya, sesebuah Negara wajib untuk memastikan bahawa kesemua pendatang menerima layanan dan perlindungan sepertimana warganegara Negara

PERISYTIHARAN HAK-HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT



Diterimapakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1948, Perisytiharan Sejagat ini menyatakan hak dan kebebasan asas di mana kesemua manusia berhak menerima.

Anda mempunyai tanggungjawab untuk menghormati hak-hak orang lain.

Kita semua dilahirkan bebas dan saksama.
Setiap orang berhak ke atas hak-hak ini tanpa mengira bangsa, agama, jantina, bahasa, mahupun kewarganegaraan.

Setiap orang berhak ke atas kehidupan, kebebasan dan keselamatan.

Tiada sesiapa pun yang boleh mengambil hak anda

Tiada sesiapa pun yang berhak menahan kamu sebagai hamba.



Tiada sesiapa pun berhak untuk menyeksa anda.



Anda mempunyai hak untuk diiktiraf dengan setara di dalam undang-undang, di mana-mana sahaja.



Kita semua adalah setara di dalam undang-undang dan berhak ke atas perlindungan undang-undang yang sama.



Anda mempunyai hak untuk mendapatkan bantuan undang-undang jika hak anda dilanggar.



Tiada siapa yang berhak untuk memenjarakan anda secara salah atau memaksa anda meninggalkan negara anda.



Anda mempunyai hak untuk perbicaraan awam yang adil.



Semua orang dianggap tidak bersalah sehingga terbukti bersalah.



Anda mempunyai hak persendirian. Tiada sesiapa pun yang boleh mengganggu reputasi, keluarga, rumah, atau surat-menyurat anda



Anda mempunyai hak untuk mengembara.



Anda mempunyai hak untuk mendapatkan suaka di negara lain jika anda didakwa.



Setiap orang mempunyai hak ke atas kewarganegaraan.



Kesemua orang dewasa yang sepakat mempunyai hak untuk berkahwin dan membina keluarga.



Anda mempunyai hak untuk memiliki harta.



Setiap orang mempunyai hak untuk memiliki agama.



Anda mempunyai hak untuk berfikir dan menyuarakan pandangan anda dengan bebas.




Setiap orang mempunyai hak untuk berkumpul di perhimpunan yang aman.



Anda berhak untuk mengambil bahagian di dalam tadbir urus negara anda, sama ada secara langsung atau secara membantu di dalam pemilihan wakil di dalam pilihan raya yang bebas dan tulen.



Anda mempunyai hak terhadap keselamatan sosial dan berhak mendapat bantuan ekonomi, sosial dan kebudayaan daripada kerajaan anda.



Setiap orang dewasa mempunyai hak ke atas pekerjaan, upah yang adil, dan menjadi ahli kesatuan sekeria.



Anda mempunyai hak untuk masa lapang dan berehat dari kerja.



Setiap orang berhak mendapatkan taraf hidup yang mencukupi untuk diri sendiri dan keluarganya.



Setiap orang berhak mendapat pendidikan.



Setiap orang berhak untuk mengambil bahagian secara bebas di dalam kemajuan budaya dan saintifik di dalam komuniti mereka, dan harta intelek mereka sebagai artis atau saintis harus dilindungi.



Kita semua berhak mendapat keteraturan sosial di mana kita boleh menikmati hak-hak ini.



Hak dan kebebasan kesemua orang harus dilindungi kecuali jika menghalang hak dan kebebasan orang lain.



Tiada Negara, perkumpulan, atau individu yang boleh menggunakan Deklarasi ini untuk menafikan hak dan kebebasan orang lain.



Ini adalah versi ringkas UDHR. Untuk teks yang lengkap, lawat www.un.org.



PERTUBUHAN BURUH *Antarabangsa*

1 KEBEBASAN UNTUK BERPERSATUAN



Kebebasan Berpersatuan dan Perlindungan Hak untuk Mengadakan Konvensyen

Pertubuhan pekerja & majikan hendaklah menganjurkan secara bebas dan tidak tertakluk untuk dibubarkan atau digantung oleh pihak berkuasa pentadbiran. Mereka mempunyai hak untuk menubuhkan & bergabung dengan kesatuan dan perikatan yang bergabung dengan organisasi antarabangsa pekerja dan majikan.

Hak untuk Menganjur dan Konvensyen Perundingan secara Kolektif

Pekerja harus menikmati perlindungan yang mencukupi daripada tindakan diskriminasi anti-kesatuan, termasuk keperluan pekerja yang tidak menyertai sebarang kesatuan atau melepaskan keahlian kesatuan pekerja untuk pekerjaan, atau pemberhentian pekerja kerana menjadi ahli kesatuan atau penyertaan dalam kegiatan kesatuan.

2 PIAWAIAN- PIAWAIAN UNTUK UPAH



Konvensyen Penetapan Gaji Minima

Memerlukan negara-negara yang mengesahkan konvensyen ini untuk menubuhkan sistem penetapan upah minimum yang mampu menentukan dan mengkaji secara berkala dan menyesuaikan kadar upah minimum mengikut undang-undang negara.

Konvensyen Upah Yang Setara

Menggariskan prinsip gaji yang standing untuk pekerja-pekerja lelaki dan perempuan, bagi kerja yang mempunyai nilai yang setara.

3 PIAWAIAN- PIAWAIAN UNTUK BURUH PAKSA



Konvensyen Buruh Paksa

Konvensyen asas ini melarang semua bentuk buruh paksa dan mana-mana pengambilan buruh secara paksa hendaklah dikenakan hukuman berat. Negara-negara yang mengesahkan konvensyen ini mesti memastikan hukuman yang dikenakan adalah wajar dan dikuatkuasakan dengan ketat.

Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa & Cadangan Buruh Paksa (Langkah-langkah Tambahan), 2014 (No. 203)

Bertujuan untuk menggerakkan langkah-langkah pencegahan, perlindungan dan pampasan, serta untuk meningkatkan usaha untuk menghapuskan kesemua bentuk buruh paksa, termasuk perdagangan manusia.

4 PIAWAIAN- PIAWAIAN UNTUK BURUH KANAK-KANAK



Konvensyen Umur Minimum

Umur minimum am untuk masuk ke sektor pekerjaan atau bekerja adalah 15 tahun (13 untuk kerja ringan) dan umur minimum untuk kerja berbahaya adalah 18 (16 untuk syarat-syarat ketat yang tertentu).

Konvensyen Jenis-jenis Buruh Kanak-kanak Yang Paling Teruk

Memerlukan negara-negara yang mengesahkan konvensyen ini untuk menghapuskan segala jenis buruh kanak-kanak yang paling teruk termasuk semua bentuk perhambaan atau amalan yang serupa dengan perhambaan serta menyediakan bantuan yang diperlukan dan sesuai untuk mengeluarkan kanak-kanak daripada situasi tersebut, memastikan akses kepada pendidikan percuma dan latihan vokasional yang percuma di mana mungkin.

5 KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN



Konvensyen Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1981

Memberi syarat untuk menerapkan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan nasional yang lebih baik, dan tindakan yang diambil oleh kerajaan dan dalam perusahaan untuk mempromosikan OSH dan untuk memperbaiki keadaan kerja.

Konvensyen Kesihatan dan Keselamatan Pekerja 1985

Menyediakan penubuhan perkhidmatan kesihatan pekerjaan pada peringkat perusahaan yang diamanahkan dengan fungsi pencegahan serta turut bertanggungjawab untuk menasihati perusahaan di dalam mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Konvensyen Rangka Kerja bagi Menggalakkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 2006

Bertujuan mempromosikan budaya keselamatan dan kesihatan pencegahan serta mencapai persekitaran kerja yang selamat dan sihat secara progresif.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa Malaysia telah mengesahkan 17 Konvensyen



- 1 Konvensyen Asas
- 2 Konvensyen Buruh Paksa 1930
- 3 Konvensyen untuk Hak Mengurus dan Rundingan secara Kolektif, 1949
- 4 Konvensyen Saraan Ganjaran, 1951
- 5 Konvensyen Umur Minimum, 1973
- 6 Konvensyen Jenis-jenis Buruh Kanak-kanak Yang Paling Teruk, 1999
- 7 Konvensyen Tadbir Urus
- 8 Konvensyen Pemeriksaan Buruh
- 9 Konvensyen Perundingan Tiga Pihak (Piawaian Buruh Antarabangsa), 1976
- 10 Konvensyen Teknikal
- 11 Konvensyen Perkhidmatan Pekerjaan, 1948
- 12 Konvensyen Perlindungan Upah, 1949
- 13 Konvensyen Penjagaan Jentera, 1963
- 14 Konvensyen Umur Usia Minima (Bawah Tanah), 1965
- 15 Konvensyen Penetapan Gaji Minimum, 1970
- 16 Konvensyen Buruh Maritim, 2006
- 17 Rangka Kerja Promosi bagi Konvensyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 2006



MENGAPA PEKERJA MEMERLUKAN KESATUAN?



RUNDINGAN SECARA KOLEKTIF

Kesatuan memainkan peranan penting dengan menjalankan perundingan kolektif yang berkait rapat dengan kebebasan berpersatuan.



UPAH YANG MENCUKUPI

Kesatuan sekerja membantu memastikan orang yang bekerja mendapat gaji dan manfaat yang baik serta mempunyai suara dalam sistem demokrasi kita



SUARA YANG KOLEKTIF

Kesatuan memberi pekerja suatu suara yang kuat dan kolektif untuk berkomunikasi dengan pengurusan tentang ketidakpuasan dan kekecewaan mereka



RUNDINGAN

Kesatuan berunding dengan terma dan syarat yang lebih baik. Kesemua aspek kehidupan pekerjaan harus menjadi subjek perbincangan & persetujuan di antara majikan & pekerja di bawah perlindungan kesatuan sekerja.



JAMINAN PEKERJAAN

Ahli kesatuan cenderung mempunyai keselamatan pekerjaan yang lebih baik. Ahli kesatuan sekerja lebih cenderung untuk tinggal di pekerjaan mereka lebih lama, secara purata lima tahun melebihi daripada pekerja yang tidak berpersatuan.



SOKONGAN

Dengan menjadi ahli kesatuan, kita akan sentiasa menjadi sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar, dan mempunyai sokongan kesatuan apabila diperlukan.



PELUANG SAMA RATA

Kesatuan memperjuangkan peluang yang sama di tempat kerja. Mereka mempertahankan gaji dan rawatan yang sama serta menentang diskriminasi.



KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

Di bawah perhubungan di antara majikan & hubungan pekerja-pekerja di Malaysia, wakil-wakil kesatuan merupakan sebahagian daripada jawatankuasa keselamatan & kesihatan syarikat. Mereka akan mengutarakan sebarang isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di tempat kerja.



KHIDMAT & NASIHAT PERUNDANGAN

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyediakan khidmat dan nasihat undang-undang kepada pekerja apabila mereka menghadapi isu-isu dan masalah-masalah di tempat kerja.

Prinsip 6 RSPO: Menghormati Hak-Hak Pekerja

RSPO menyenaraikan kriteria yang diikuti oleh penunjuk-penunjuk, yang perlu dipatuhi oleh ahli-ahli di dalam sektor minyak sawit

1

Sebarang bentuk diskriminasi adalah dilarang

4

Kanak-kanak tidak diambil bekerja atau dieksploitasi

2

Gaji dan keadaan kerja untuk pekerja-pekerja dan pekerja kontrak hendaklah sekurang-kurangnya sah atau mengikuti piawaian minimum industri serta cukup untuk memberi upah hidup yang berpatutan (DLW)

5

Tidak ada gangguan atau penghinaan di tempat kerja dan hak untuk berkeluarga adalah dilindungi

3

Unit pensijilan menghormati hak kesemua kakitangan untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka dan untuk berunding bersama secara kolektif

6

Tiada sebarang buruh paksa atau buruh daripada pemerdagangan manusia digunakan

7

Unit pensijilan memastikan bahawa persekitaran tempat kerja di bawah kawalannya adalah selamat dan tiada risiko ke atas kesihatan